

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

Tarikh : 26 MAC 2015

SOALAN:

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai projek mencetak 1 juta kitab suci al-Quran dalam Bahasa Cina, Tamil, Inggeris dan Melayu untuk diedarkan kepada orang-orang bukan Islam. Adakah ini bertujuan untuk menyebarkan dan mengembangkan agama Islam kepada orang-orang bukan Islam di negara ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa projek ini adalah bukan projek Kerajaan, tetapi ia adalah projek yang dibuat oleh pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Kerajaan difahamkan projek mencetak 1 juta al-Quran yang kini dijenamakan sebagai 'One Soul One Qur'an' merupakan usaha terjemahan Al-Qur'an ke dalam empat bahasa iaitu Inggeris, Mandarin, Tamil dan Bahasa Melayu